NOTIS

RUNDINGAN AWAM MENGENAI PENGGUNAAN DAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN KETERSAMBUNGAN BERASASKAN PERAYAUAN ANTARABANGSA DI MALAYSIA, TERMASUK MELALUI PENYELESAIAN eSIM

CYBERJAYA, 1 September 2026 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mempelawa semua pihak berkepentingan dan pihak yang berminat untuk mengemukakan maklum balas terhadap **Kertas Rundingan Awam mengenai Penggunaan dan Penyediaan Perkhidmatan Ketersambungan Berasaskan Perayauan Antarabangsa di Malaysia, termasuk melalui Penyelesaian eSIM**.

Rundingan Awam ini bertujuan mendapatkan pandangan dan maklum balas berhubung isu, peluang dan cabaran serta pertimbangan pendekatan kawal selia yang berkaitan penggunaan dan penyediaan perkhidmatan ketersambungan berasaskan perayauan antarabangsa di Malaysia, termasuk perkhidmatan yang disediakan melalui teknologi eSIM.

Pihak yang ingin mengemukakan maklum balas digalakkan untuk mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan dalam tempoh rundingan, bermula **1 September 2026 hingga 30 Oktober 2026**. Kertas Rundingan Awam boleh didapati di mcmc.gov.my, manakala maklum balas serta sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pc.roaming@mcmc.gov.my.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.
E-mel: pc.roaming@mcmc.gov.my
Tel: +603 8688 8000 **Faks:** +603 8688 1000